



## JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

Negeri / Cawangan \_\_\_\_\_

### LESEN PERUBAHAN SEMENTARA (LPS) BAGI \*BAS SEKOLAH/BAS PEKERJA

---

---

---

---

No. Kenderaan : \_\_\_\_\_ Bil. Tempat Duduk : \_\_\_\_\_

Dengan tidak tertakluk kepada apa-apa bertentangan di dalam Lesen \*Bas Sekolah/Bas Pekerja No. \_\_\_\_\_, kelulusan adalah diberi bagi tujuan \*menggunakan Bas Sekolah/Bas Pekerja untuk membawa kanak-kanak/murid sekolah/penumpang-penumpang dewasa/pekerja-pekerja kilang bagi tujuan

\_\_\_\_\_  
dalam tempoh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_ tertakluk kepada syarat-syarat yang terdapat di muka surat belakang Lesen ini.

2. Surat kebenaran ini hendaklah dikemukakan kepada mana-mana Pegawai Pengangkutan Jalan atau Polis atau mana-mana Pegawai Penguatkuasa yang lain yang mana berkenaan, apabila diminta untuk pemeriksaan.
3. Perubahan Sementara ini tidak bermakna bahawa pemegang lesen telah diberi hak untuk menggunakan kereta itu untuk perkara-perkara yang dikehendaki dan dipatuhi di dalam Peraturan Pelancongan Sekolah Tahun 1957.
4. Kebenaran mengubah syarat-syarat secara sementara ini hendaklah dikembalikan kepada Pengarah Pengangkutan Jalan Negeri/Cawangan \_\_\_\_\_ untuk dibatalkan dalam tempoh 1 (satu) minggu selepas tarikh perjalanan.

b.p. Pengarah  
Jabatan Pengangkutan Jalan  
Negeri/Cawangan \_\_\_\_\_

- s.k.      i) Ketua Pengarah  
              Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia  
              Ibu Pejabat JPJ Malaysia  
              Aras 1-5, Blok D4, Kompleks D  
              Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
              62620 Putrajaya
- ii) Setiausaha  
              Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan  
              Wilayah .....

[ \* Potong mana yang tidak berkenaan ]

## **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN LESEN PERUBAHAN SEMENTARA (LPS)**

---

### **A. BAS SEKOLAH**

#### **1. Masa Lawatan**

LPS dikeluarkan pada hari cuti persekolahan dan cuti umum sahaja bagi membawa kanak-kanak/murid-murid/penumpang-penumpang dewasa. Lawatan pada hari persekolahan hanya dipertimbangkan jika ia berkaitan dengan aktiviti persekolahan ataupun program rasmi anjuran kerajaan dengan menyertakan surat sokongan/pengesahan.

#### **2. Had Usia Kenderaan**

- a) Bagi bas sekolah yang berusia 15 tahun ke bawah (usia tidak mencapai 16 tahun), tiada jarak perjalanan ditetapkan;
- b) Bagi bas sekolah yang berusia 16 tahun hingga 20 tahun (usia tidak mencapai 21 tahun), jarak perjalanan tidak melebihi 300 km sehala.

#### **3. Syarat Am**

- a) Mempunyai cukai jalan mengikut kiraan bas catar bagi tempoh sekurang-kurangnya 1 (satu) minggu;
- b) Mempunyai perlindungan insuran mengikut Bahagian IV Seksyen 90 dan 91(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987;
- c) Senarai nama penumpang hendaklah dipamerkan di hadapan cermin kenderaan tersebut;
- d) Tidak dibenarkan mengambil rombongan di kawasan Terminal Bas Ekspres atau di kawasan operasi Bas Ekspres;
- e) Jika memandu melebihi 300 KM sehala atau 4 (empat) jam berterusan, diwajibkan ada pemandu kedua dan Buku Log;
- f) Mempunyai kelulusan pemeriksaan PUSPAKOM;
- g) Pengesahan tiada saman tertunggak (JPJ/PDRM/LPKP); dan
- h) Bas yang dikeluarkan LPS ini hanya boleh dibenarkan menjalankan perkhidmatan "ONE WAY TOUR".

### **B. BAS PEKERJA**

#### **1. Masa Lawatan**

LPS hanya boleh digunakan bagi membawa pekerja-pekerja kilang mengikut senarai nama yang telah diluluskan dan tidak sama sekali dibenarkan membawa penumpang-penumpang lain.

#### **2. Had Usia Kenderaan**

Tiada had usia ditetapkan.

#### **3. Syarat Am**

- a) Mempunyai cukai jalan mengikut kiraan bas catar bagi tempoh sekurang-kurangnya 1 (satu) minggu;
- b) Mempunyai perlindungan insuran mengikut Bahagian IV Seksyen 90 dan 91(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987;
- c) Senarai nama penumpang hendaklah dipamerkan di hadapan cermin kenderaan tersebut;
- d) Tidak dibenarkan mengambil rombongan di kawasan Terminal Bas Ekspres atau di kawasan operasi Bas Ekspres;
- e) Jika memandu melebihi 300 KM sehala atau 4 (empat) jam berterusan, diwajibkan ada pemandu kedua dan Buku Log;
- f) Mempunyai kelulusan pemeriksaan PUSPAKOM;
- g) Pengesahan tiada saman tertunggak (JPJ/PDRM/LPKP); DAN
- h) Bas yang dikeluarkan LPS ini hanya boleh dibenarkan menjalankan perkhidmatan "ONE WAY TOUR".